

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8246

SOALAN:

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) sebab-sebab warga asing dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia. Berikan statistik berkaitan bagi tahun 2000 hingga September 2015; dan

(b) jika ada permohonan oleh warga asing di Sabah adakah kelulusan kewarganeraan tersebut dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pemerolehan kewarganegaraan Malaysia adalah seperti mana yang diperuntukkan di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Antara sebab-sebab permohonan pemerolehan kewarganegaraan oleh warga asing adalah kerana mempunyai hubungan kekeluargaan dengan warganegara Malaysia misalnya melalui perkahwinan, keberadaan di Persekutuan dalam tempoh yang lama, serta telah melalui proses asimilasi dengan budaya Malaysia.**

Oleh itu, dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan, Kerajaan perlu membuat penelitian yang terperinci bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar berkelayakan diberikan kelulusan. Dalam hal ini, warga asing yang berkelayakan boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia secara pendaftaran ataupun secara naturalisasi tertakluk kepada sama ada telah memenuhi syarat-syarat utama seperti telah bermastautin di Persekutuan dalam tempoh yang dikehendaki, berkelakuan baik dan juga mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu.

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2000 sehingga 2015, jumlah warga asing yang memperoleh kewarganegaraan Malaysia adalah seperti berikut:-

Perkara	Jumlah (Orang)
15(1)	19,332
16	6,692
19	22,721
Jumlah Keseluruhan	48,745

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara
Tarikh Kemaskini: September 2015

(b) Fungsi Kerajaan Persekutuan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan adalah melalui Menteri Kerajaan Persekutuan dan ini termasuklah isu berkaitan pemerolehan kewarganegaraan selaras dengan Peruntukan Tambahan Berhubung Kewarganegaraan di bawah Seksyen 1 Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan seperti mana berikut:-

“Fungsi Kerajaan Persekutuan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan ini hendaklah dijalankan oleh mana-mana Menteri Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Yang di-Pertuan Agong, dan sebutan dalam Jadual ini mengenai Menteri hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.”